

**D.R. 63/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS MEDIA MALAYSIA 2024**

**SUSUNAN FASAL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**MAJLIS MEDIA MALAYSIA**

3. Penubuhan Majlis
4. Meterai perbadanan
5. Fungsi Majlis
6. Kuasa Majlis
7. Keahlian Majlis

**BAHAGIAN III**

**LEMBAGA MAJLIS**

8. Lembaga Majlis
9. Pengerusi
10. Tempoh jawatan
11. Saraan dan elaun
12. Setiausaha Majlis
13. Pekerja Majlis
14. Jawatankuasa

## BAHAGIAN IV

## MEKANISME KETIDAKPUASAN HATI DAN PROSIDING TATATERTIB

*Fasal*

15. Mekanisme ketidakpuasan hati
16. Perkara berkenaan dengan kuasa tatatertib

## BAHAGIAN V

## KEWANGAN

17. Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia
18. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia

## BAHAGIAN VI

## AM

19. Mesyuarat agung
20. Penyimpanan rekod dan akaun Majlis
21. Garis panduan, arahan, dsb.
22. Tatalaku
23. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

## JADUAL PERTAMA

## JADUAL KEDUA

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Media Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Majlis Media Malaysia 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya ahli Majlis yang diterima menjadi ahli daripada mana-mana kategori keahlian yang dinyatakan dalam seksyen 7, dan termasuk Pengerusi Lembaga seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 9(3);

“ahli bukan media” ertinya individu termasuklah ahli akademik, pelatih media, pertubuhan bukan kerajaan, dan orang awam bukan daripada industri media;

“industri media” ertinya mana-mana—

- (a) agensi berita, iaitu suatu pertubuhan berita yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang Malaysia bagi tujuan mengumpul, menentusahkan dan menyebarkan berita, maklumat, gambar dan video;
- (b) pertubuhan akhbar, iaitu suatu pertubuhan berita yang menerbitkan bahan bacaan bercetak atau digital secara harian atau berkala;
- (c) penyiar, iaitu suatu stesen radio atau televisyen yang menyiarkan untuk pendengaran atau tontonan orang awam, termasuklah bahan yang tersedia dalam format digital melalui internet;
- (d) pengamal media;
- (e) pengamal media bebas;
- (f) media asing, iaitu suatu syarikat media yang dimiliki atau dikawal oleh pertubuhan media asing, yang mempunyai pengamal media di Malaysia dan menerbitkan kandungan berita dan kewartawanan di Malaysia atau terutamanya mengenai Malaysia;
- (g) penerbit media;

(h) syarikat media; dan

(i) persatuan media,

tetapi tidak termasuk industri pengiklanan, penyedia perkhidmatan dalam talian dan entiti yang mengagregat atau membangunkan berita daripada sumber lain;

“kewartawanan” ertinya amalan mengumpul, menyusun, menganalisis dan menyampaikan maklumat atau berita kepada orang awam yang dibuat oleh wartawan, penulis blog, penganalisis atau mana-mana orang yang terlibat dalam penerbitan dan dikongsi sama ada dalam bentuk bercetak atau digital melalui sebarang medium penerbitan, siaran radio dan televisyen, atau media digital;

“Lembaga” ertinya Lembaga Majlis Media Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 8 Akta ini;

“Majlis” ertinya Majlis Media Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta ini;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi;

“penerbit media” ertinya individu yang bertanggungjawab untuk mengawasi penerbitan atau penyiaran kandungan berita dalam media cetak, dalam talian dan media penyiaran, dalam penyediaan edisi penerbitan akhir kepada orang awam;

“pengamal media” ertinya seorang wartawan, editor, jurugambar, juruvideo dan pereka grafik atau mana-mana orang yang terlibat dalam penciptaan, pengeluaran dan penyebaran kandungan untuk syarikat media dan orang itu hendaklah merupakan seorang pekerja kepada penerbit media;

“pengamal media bebas” ertinya seseorang yang menghasilkan kandungan berita untuk syarikat media tetapi bukan seorang pekerja atau seseorang yang menerbitkan kandungan berita dan ulasan yang dihoskan melalui media dalam talian;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 9 Akta ini;

“persatuan media” ertinya apa-apa entiti bukan berasaskan keuntungan, kesatuan sekerja atau persatuan yang dianggotai oleh pengamal media mewakili pihak berkepentingan dan kebajikan pihak media;

“syarikat media” ertinya sebuah organisasi atau entiti perniagaan yang mencipta, menghasilkan, mengedar dan mengurus kandungan media dalam bentuk bercetak, penyiaran atau digital, dan hendaklah mempunyai tidak kurang daripada sepuluh orang pengamal media sebagai pekerja syarikat media itu.

## BAHAGIAN II

### MAJLIS MEDIA MALAYSIA

#### **Penubuhan Majlis**

**3.** (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Majlis Media Malaysia” ditubuhkan.

(2) Majlis hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Majlis boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk pada dan bagi maksud Akta ini, Majlis boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya patut—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memajak, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Majlis; dan
- (c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Majlis.

**Meterai perbadanan**

4. (1) Majlis hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Majlis dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukarkan, diubahkan dan dibuatkan baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Sehingga suatu meterai perbadanan diadakan oleh Majlis, suatu cap yang mengandungi perkataan “Majlis Media Malaysia” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Majlis.

(3) Meterai perbadanan Majlis hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah ditentusahkan oleh Pengerusi atau oleh mana-mana dua orang anggota Lembaga yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan Majlis itu dan ditentusahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara yang lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Lembaga atau pekerja Majlis yang diberi kuasa bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan Majlis hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

**Fungsi Majlis**

5. (1) Majlis hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) untuk menetapkan standard dan mengadakan tatalaku bagi pengamal media dan pengamal media bebas mengikut standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab;

- (b) untuk menggalakkan standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab yang tertinggi, kebebasan media dan hak pengamal media;
- (c) untuk mengawal selia etika dan tatalaku profesional pengamal media dan pengamal media bebas;
- (d) untuk menggalakkan komunikasi antara pengamal media, Kerajaan dan orang awam;
- (e) untuk mencadangkan apa-apa pembaharuan undang-undang yang berhubungan dengan kebebasan media;
- (f) untuk memudahkan dan menyelaraskan perkara berkaitan dengan latihan, pembangunan kapasiti dan pembangunan profesional wartawan dan pertubuhan media dalam kalangan ahli Majlis;
- (g) untuk menubuhkan, menguruskan dan menyenggara suatu pangkalan data yang mengandungi maklumat pengamal media dan pengamal media bebas bagi tujuan pengumpulan data dan statistik, untuk pembangunan berterusan industri media dan kewartawanan;
- (h) untuk menentukan apa-apa mekanisme ketidakpuasan hati dan prosiding tatatertib terhadap ahli Majlis; dan
- (i) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi Majlis di bawah Akta ini selaras dengan maksud Akta ini.

(2) Fungsi Majlis di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh Lembaga tertakluk pada ketetapan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

### **Kuasa Majlis**

**6.** (1) Majlis boleh melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi, atau berkaitan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Majlis boleh—

- (a) mengadakan standard kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab, termasuklah tatalaku bagi pengamal media dan pengamal media bebas;
- (b) menentukan perkara berkaitan dengan keahlian, pentadbiran dan pengurusan Majlis;
- (c) menentukan dan mengenakan apa-apa fi, caj atau bayaran berhubung dengan keahlian Majlis dan perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis di bawah Akta ini;
- (d) menjalankan siasatan terhadap sebarang aduan atau maklumat yang diterima terhadap pengamal media dan pengamal media bebas melalui mekanisme ketidakpuasan hati;
- (e) menggunakan semua harta Majlis mengikut cara yang difikirkan suai manfaat oleh Majlis termasuklah mengumpul wang untuk tujuan Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia dengan mensekuritikan atau menggadaikan harta tersebut; dan
- (f) menghendaki ahli Majlis untuk mengemukakan apa-apa maklumat bagi maksud melaksanakan fungsi Majlis di bawah Akta ini.

(3) Kuasa Majlis di bawah perenggan (2)(a), (b), (c) dan (d) hendaklah dijalankan oleh Lembaga tertakluk pada ketetapan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

### **Keahlian Majlis**

7. (1) Ahli Majlis hendaklah terdiri daripada mana-mana orang, persatuan atau syarikat media yang berikut:

- (a) satu kategori yang terdiri daripada syarikat media, yang diwakili oleh penerbit media masing-masing atau pengurusan kanan yang dinamakan;

(b) satu kategori yang terdiri daripada persatuan media, yang diwakili oleh mana-mana ahli persatuan yang dinamakan, pengamal media dan pengamal media bebas; dan

(c) satu kategori yang terdiri daripada ahli bukan media.

(2) Setiap permohonan keahlian Majlis hendaklah dibuat kepada Lembaga dengan disertakan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis di bawah perenggan 6(2)(c).

(3) Keahlian Majlis hendaklah diperbaharui setiap tahun dengan disertakan pembayaran fi sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis di bawah perenggan 6(2)(c).

### BAHAGIAN III

#### LEMBAGA MAJLIS

#### **Lembaga Majlis**

**8.** (1) Bagi maksud menjalankan fungsi Majlis dan menguruskan hal ehwal Majlis, suatu Lembaga hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada—

(a) Pengerusi;

(b) dua anggota yang dinamakan oleh Menteri, yang mewakili Kerajaan;

(c) empat anggota Lembaga yang mewakili ahli Majlis dalam kategori yang dinyatakan di bawah perenggan 7(1)(a), yang hendaklah dinamakan dan dipilih oleh ahli Majlis dalam kategori itu, dan hendaklah terdiri daripada, sekurang-kurangnya seorang wakil dalam kalangan wanita dan seorang wakil daripada Sabah atau Sarawak;

(d) empat anggota Lembaga yang mewakili ahli Majlis dalam kategori yang dinyatakan di bawah perenggan 7(1)(b), yang hendaklah dinamakan dan dipilih oleh ahli Majlis dalam kategori itu, dengan sekurang-kurangnya seorang anggota daripada persatuan media, dan hendaklah terdiri daripada, sekurang-kurangnya seorang wakil dalam kalangan wanita dan seorang wakil daripada Sabah atau Sarawak;

- (e) empat anggota Lembaga yang mewakili ahli Majlis dalam kategori yang dinyatakan di bawah perenggan 7(1)(c), yang hendaklah dinamakan dan dipilih oleh ahli Majlis dalam kategori itu, dan hendaklah terdiri daripada, sekurang-kurangnya seorang wakil dalam kalangan wanita dan seorang wakil daripada Sabah atau Sarawak; dan
- (f) enam anggota Lembaga tambahan yang dilantik, dalam kalangan ahli Majlis, oleh anggota Lembaga di bawah perenggan (c), (d) dan (e) bagi memastikan kesaksamaan perwakilan daripada aspek jantina, lokaliti dan kepelbagaian media mengikut bahasa dan format.

(2) Suatu syarikat media yang disifatkan mempunyai pemilikan bersama dengan syarikat media yang lain tidak boleh mempunyai lebih daripada seorang anggota Lembaga yang dinamakan dan dipilih di bawah perenggan (1)(c).

(3) Bagi maksud subseksyen (2), suatu syarikat media disifatkan mempunyai pemilikan bersama dengan syarikat media yang lain dalam hal keadaan jika—

- (a) dua atau lebih syarikat media mempunyai pemegang saham yang sama yang memegang lebih daripada setengah keseluruhan jumlah syer dalam syarikat media itu masing-masing;
- (b) syarikat media itu mempunyai kawalan atas syarikat media lain yang berkaitan; atau
- (c) syarikat media itu merupakan syarikat subsidiari dan berada di bawah kawalan suatu syarikat pemegangan atau kumpulan syarikat.

(4) Penamaan dan pemilihan anggota Lembaga di bawah perenggan (1)(c), (d) dan (e) hendaklah dijalankan dalam mesyuarat agung.

(5) Walau apa pun subseksyen (1) dan (4), Menteri hendaklah melantik anggota Lembaga yang hendaklah bertindak sebagai Lembaga pengasas, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*.

(6) Peruntukan dalam Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Lembaga.

### **Pengerusi**

**9.** (1) Anggota Lembaga hendaklah melantik seorang Pengerusi yang akan mengetuai Lembaga dan Majlis.

(2) Mana-mana anggota badan perundangan, atau mana-mana orang yang terlibat secara aktif dalam politik atau berdaftar dengan mana-mana parti politik, atau mana-mana anggota perkhidmatan awam, tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi.

(3) Pengerusi hendaklah disifatkan sebagai ahli Majlis, dan hendaklah mempunyai undi pemutus dalam semua pertimbangan Lembaga dan Majlis.

(4) Seorang Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik oleh anggota Lembaga dalam kalangan mereka.

(5) Jika Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya kerana apa-apa sebab, atau dalam apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi Pengerusi.

### **Tempoh jawatan**

**10.** (1) Tertakluk pada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan, seseorang anggota Lembaga hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tempoh dua tahun selanjutnya apabila habis tempoh jawatannya.

(2) Jika seseorang anggota Lembaga menerima nota kecaman atau keahliannya ditamatkan, anggota itu hendaklah berhenti menjadi anggota Lembaga di bawah Akta ini.

(3) Seseorang anggota Lembaga hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga.

(4) Pengerusi boleh meletakkan jawatan melalui notis secara bertulis kepada Lembaga, dan anggota Lembaga yang lain boleh meletakkan jawatan melalui notis secara bertulis kepada Pengerusi, dan setelah peletakan jawatan tersebut diterima oleh Lembaga atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengerusi atau anggota itu hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya.

(5) Apa-apa kekosongan anggota dalam Lembaga hendaklah diisi, dengan secepat mungkin, melalui penamaan mengikut cara yang sama anggota yang mengosongkan jawatan telah dinamakan dan dilantik dan anggota yang dinamakan itu dan kemudiannya dilantik, hendaklah memegang jawatan itu untuk baki tempoh anggota Lembaga yang terdahulu.

(6) Tertakluk pada subseksyen (1), mana-mana anggota Lembaga yang telah memegang jawatan selama tempoh empat tahun berturut-turut, adalah layak untuk dilantik semula selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh akhir anggota Lembaga itu memegang jawatan sebagai anggota Lembaga.

### **Saraan dan elaun**

**11.** (1) Pengerusi hendaklah dibayar saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

(2) Semua anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

### **Setiausaha Majlis**

**12.** (1) Majlis boleh melantik Setiausaha kepada Majlis yang hendaklah disifatkan sebagai pekerja Majlis dan adalah tertakluk pada terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Majlis hendaklah meletak hak pada Setiausaha mana-mana kuasa dan mengenakan kepadanya apa-apa tugas sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Setiausaha hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga yang hendaklah selaras dengan Akta ini.

(4) Setiausaha hendaklah—

- (a) bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi, aktiviti dan hal ehwal harian Majlis mengikut dasar yang ditetapkan oleh Lembaga;
- (b) menjalankan pengawalseliaan dan kawalan ke atas semua pekerja Majlis; dan
- (c) melaksanakan apa-apa tugas lain dan menunaikan apa-apa tanggungjawab lain sebagaimana yang ditentukan atau diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(5) Setiausaha hendaklah melaksanakan kewajipannya dengan ketelitian, kemahiran, ketekunan yang munasabah, dan membuat pertimbangan yang wajar dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.

(6) Setiausaha boleh menubuhkan suatu pejabat pusat dan pejabat wilayah atau pejabat cawangan sebagaimana yang disifatkannya perlu dan suai manfaat, tertakluk pada kelulusan Lembaga.

### **Pekerja Majlis**

**13.** (1) Majlis boleh melantik apa-apa bilangan pekerja yang perlu untuk membantu Setiausaha dalam menunaikan fungsinya secara berkesan dan cekap bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini dan pekerja itu hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh, menerima apa-apa gaji, elaun dan faedah, dan hendaklah tertakluk pada apa-apa terma dan syarat perkhidmatan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang pekerja Majlis hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan suci hati dan mematuhi apa-apa kehendak, standard, kewajipan dan tatalaku sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

### **Jawatankuasa**

**14.** (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan dalam penjalanan kuasanya.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana ahli Majlis untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Seseorang ahli jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Lembaga.

(6) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk pada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepada jawatankuasa dari semasa ke semasa oleh Lembaga dan Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan atau membubarkan jawatankuasa.

(7) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat jawatankuasa bagi menasihati jawatankuasa mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(8) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu pada masa dan di tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

- (a) minit mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(10) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri dan hendaklah membuat pelaporan yang sewajarnya kepada Lembaga.

(11) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (7) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan belanja lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

#### BAHAGIAN IV

##### MEKANISME KETIDAKPUASAN HATI DAN PROSIDING TATATERTIB

#### **Mekanisme ketidakpuasan hati**

**15.** (1) Majlis boleh mewujudkan suatu mekanisme untuk mengawal selia prosedur yang berhubungan dengan aduan ketidakpuasan hati yang hendaklah berfungsi untuk tujuan berikut:

- (a) sebagai perantara antara Majlis, ahli Majlis dan orang awam;
- (b) untuk menentukan proses dan prosedur bagi sistem aduan;
- (c) untuk mewujudkan sistem penyelesaian pertikaian yang cekap dan cepat untuk memastikan keyakinan awam terhadap ahli Majlis dan industri media; dan
- (d) untuk menggalakkan pemahaman dan kepatuhan terhadap kewartawanan yang beretika dan bertanggungjawab.

(2) Penentuan mekanisme kawal selia bagi prosedur yang berhubungan dengan aduan ketidakpuasan hati hendaklah dibuat dan diterima pakai oleh Majlis dari semasa ke semasa, melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

### **Perkara berkenaan dengan kuasa tatatertib**

**16.** (1) Majlis hendaklah mempunyai kuasa tatatertib terhadap ahlinya dan boleh menggunakan kuasa tatatertib terhadap ahlinya yang telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau yang dikatakan telah melakukan salah laku seperti yang ditetapkan dalam tatalaku, garis panduan, arahan atau pekeliling yang dikeluarkan oleh Majlis atau Lembaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Majlis hendaklah, mewujudkan apa-apa kesalahan tatatertib, mengadakan apa-apa hukuman tatatertib dan menentukan tatacara bagi prosiding tatatertib, melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

## **BAHAGIAN V**

### **KEWANGAN**

### **Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia**

**17.** (1) Suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Majlis.

(2) Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen dari semasa ke semasa bagi maksud Akta ini;
- (b) semua wang yang diperoleh daripada fi yang dikutip, pengendalian mana-mana projek atau skim yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia;
- (c) semua wang yang diperoleh atau berbangkit daripada apa-apa harta, gadai janji, pajakan, penyewaan, gadaian atau debentur yang diperoleh atau terletak hak pada Majlis;

- (d) wang yang diterima oleh Majlis melalui pemberian atau derma yang diterima secara sah oleh Majlis; dan
- (e) kesemua jumlah wang dan harta lain yang dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya.

(3) Bagi maksud perenggan (2)(a), bagi apa-apa tempoh Majlis menerima peruntukan apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Majlis.

(4) Majlis tidak boleh menerima apa-apa dana asing.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Majlis boleh menerima dana asing tanpa apa-apa syarat daripada mana-mana individu atau pertubuhan asing bagi maksud untuk menggalakkan kesedaran dan memberikan pendidikan berhubung dengan industri media, tertakluk pada kelulusan Menteri.

### **Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia**

**18.** (1) Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Majlis;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain ahli Lembaga, jawatankuasa dan pekerja Majlis;
- (c) membiayai aktiviti penyelidikan berhubung dengan pembangunan industri media;
- (d) membayar apa-apa fi keahlian kepada badan atau pertubuhan, di dalam atau di luar Malaysia, yang Majlis ialah ahli sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;

- (e) membuat sumbangan kepada badan atau pertubuhan, di dalam atau di luar Malaysia, berkaitan dengan aktiviti kewartawanan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- (f) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain berhubung dengan perolehan barangan dan perkhidmatan, termasuklah pengambilan perunding, fi dan kos guaman serta fi dan kos lain, yang ditanggung atau diterima dengan sewajarnya oleh Majlis dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun perenggan (1)(e), apa-apa sumbangan kepada badan atau pertubuhan di luar Malaysia hendaklah tertakluk pada kelulusan Menteri.

## BAHAGIAN VI

### AM

#### **Mesyuarat agung**

**19.** (1) Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat agung sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua.

(2) Menteri boleh, atas syor Majlis, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.

#### **Penyimpanan rekod dan akaun Majlis**

**20.** Lembaga hendaklah menyimpan minit prosidingnya termasuklah —

- (a) minit mesyuarat Lembaga;
- (b) minit mesyuarat agung Majlis;
- (c) kertas pertimbangan bagi setiap ketetapan dalam mesyuarat Lembaga;

- (d) kertas pertimbangan bagi setiap ketetapan dalam mesyuarat agung; dan
- (e) akaun dan rekod akaun yang menjelaskan transaksi akaun dengan secukupnya bagi membolehkan kunci kira-kira, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata untung rugi yang benar dan adil disediakan.

### **Garis panduan, arahan, dsb.**

**21.** (1) Majlis boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Majlis, yang hendaklah dipatuhi oleh semua ahli.

(2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis adalah tertakluk pada prosiding tatatertib Majlis.

(3) Garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis itu hendaklah dibuat dan diterima pakai oleh Majlis melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

### **Tatalaku**

**22.** (1) Majlis boleh mengadakan suatu tatalaku yang hendaklah dipatuhi oleh ahlinya.

(2) Tatalaku itu hendaklah dibuat dan diterima pakai oleh Majlis melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

(3) Jika sampai kepada pengetahuan Majlis bahawa terdapat suatu pelanggaran tatalaku yang dikatakan telah dilakukan oleh mana-mana ahli Majlis, perkara itu hendaklah diuruskan melalui mekanisme ketidakpuasan hati dan prosiding tatatertib yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV.

**Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang**

**23.** Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga atas sebab atau yang berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam masa menjalankan kewajibannya di bawah Akta ini melainkan jika boleh dibuktikan bahawa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan atau ditinggalkan dengan niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah.

**JADUAL PERTAMA**

[Subseksyen 8(6)]

**Lembaga pengasas**

**1.** (1) Walau apa pun seksyen 8 Akta ini, anggota Lembaga pengasas yang dilantik oleh Menteri adalah seperti yang berikut:

- (a) empat anggota Lembaga yang terdiri daripada syarikat media yang diwakili oleh penerbit media masing-masing atau pengurusan kanan yang dinamakan;
- (b) empat anggota Lembaga yang terdiri daripada persatuan media yang diwakili oleh mana-mana ahli persatuan yang dinamakan, pengamal media dan pengamal media bebas; dan
- (c) empat anggota Lembaga yang terdiri daripada ahli bukan media.

(2) Anggota Lembaga pengasas yang dilantik oleh Menteri hendaklah melantik Pengerusi yang akan mengetuai Lembaga.

(3) Lembaga pengasas hendaklah menjalankan fungsi dan kuasa Lembaga itu dari tarikh pelantikan anggota Lembaga pengasas sehingga penamaan dan pemilihan anggota Lembaga di bawah subseksyen 8(4) Akta ini dijalankan.

(4) Lembaga pengasas hendaklah bertanggungjawab untuk mengadakan mesyuarat agung pertama Majlis.

(5) Tempoh jawatan anggota Lembaga pengasas adalah tidak tertakluk kepada tempoh sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 10 Akta ini.

**Mesyuarat Lembaga**

**2.** (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga bulan pada masa dan tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga.

(3) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, Pengerusi boleh mengarahkan Timbalan Pengerusi untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat itu dan jika Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, Lembaga hendaklah memilih seorang daripada anggotanya untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Kuorum Lembaga bagi mesyuarat ialah sebelas orang anggota, termasuklah Pengerusi.

(5) Lembaga hendaklah menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

### **Lembaga boleh mengundang orang lain ke mesyuarat**

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat Lembaga bagi tujuan untuk menasihati Lembaga mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.

(2) Seseorang yang dijemput di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

### **Penzahiran kepentingan**

4. (1) Seseorang anggota Lembaga atau mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri suatu mesyuarat Lembaga, yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan secara langsung atau tidak langsung, berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan kepada Lembaga, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Lembaga yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga mengenai perkara itu; dan
- (b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

### **Minit**

5. Minit mesyuarat Lembaga yang ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat hendaklah diterima dalam mana-mana prosiding undang-undang sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 19]

MESYUARAT AGUNG

**Mesyuarat agung pertama**

1. (1) Mesyuarat agung pertama Majlis hendaklah diadakan dalam tempoh enam bulan daripada tarikh pelantikan anggota Lembaga pengasas.

(2) Notis mengenai mesyuarat agung pertama hendaklah dihantar kepada ahli Majlis, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga pengasas, tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh mesyuarat itu, dan tidak lebih daripada enam puluh hari.

(3) Kuorum untuk mesyuarat agung pertama hendaklah satu pertiga daripada keahlian Majlis.

(4) Agenda bagi mesyuarat agung pertama hendaklah termasuk perkara yang berikut:

(a) untuk memilih anggota Lembaga Majlis di bawah subseksyen 8(4) Akta ini;

(b) untuk menentukan tatacara berhubung dengan penjalanan suatu mesyuarat agung tahunan Majlis; dan

(c) untuk menentukan fi dan perkara lain yang berhubungan dengan keahlian Majlis.

(5) Lembaga pengasas hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan dibentangkan kepada mesyuarat agung pertama—

(a) apa-apa perkara yang hendak ditentukan bagi maksud melaksanakan fungsi Majlis di bawah seksyen 5 Akta ini; dan

(b) apa-apa perkara yang hendak ditentukan bagi maksud menjalankan kuasa Majlis di bawah subseksyen 6(3) Akta ini.

(6) Perkara yang menghendaki suatu keputusan dalam mesyuarat agung pertama hendaklah diputuskan melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung.

(7) Jika bilangan undi sama banyak, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

**Mesyuarat agung tahunan**

2. (1) Mesyuarat agung tahunan selepas mesyuarat agung pertama hendaklah diadakan dengan kekerapan sekali dalam setahun kalendar.

(2) Notis mengenai mesyuarat agung tahunan hendaklah dihantar kepada ahli Majlis, mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis, tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh mesyuarat itu, dan tidak lebih daripada enam puluh hari.

(3) Notis bagi suatu mesyuarat agung tahunan hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran yang berikut:

(a) tempat, tarikh dan masa bagi mesyuarat itu; dan

(b) setiap perkara yang dicadangkan untuk ditentukan pada mesyuarat itu.

(4) Notis bagi suatu mesyuarat agung tahunan hendaklah disertai dengan—

(a) suatu salinan minit mesyuarat agung yang terakhir;

(b) suatu salinan akaun teraudit bersama dengan laporan juruaudit mengenai Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia; dan

(c) apa-apa dokumen lain untuk ditentukan pada mesyuarat itu.

(5) Mana-mana ahli Majlis boleh, melalui apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, mengemukakan apa-apa usul untuk dipertimbangkan pada suatu mesyuarat agung tahunan, dan usul itu hendaklah diserahkan kepada Lembaga sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum mesyuarat agung tahunan itu diadakan.

(6) Kuorum untuk mesyuarat agung tahunan hendaklah satu pertiga daripada keahlian Majlis.

(7) Jika kuorum yang disebut dalam subperenggan (6) tidak hadir dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari berikutnya pada masa dan tempat yang sama melainkan dimaklumkan sebaliknya, dan jika kuorum tidak hadir pada mesyuarat yang ditangguhkan itu dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan, ahli yang hadir dan berhak mengundi, walau apa pun bilangan mereka, hendaklah membentuk kuorum dan boleh mengendalikan urusan yang untuknya mesyuarat tersebut diadakan.

(8) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan dibentangkan kepada suatu mesyuarat agung tahunan—

(a) laporan mengenai aktiviti Majlis sepanjang tempoh jawatan Lembaga itu;

(b) akaun teraudit bagi tempoh satu tahun kalendar bagi tahun terakhir sebelum sahaja mesyuarat agung tahunan itu;

(c) apa-apa perkara yang hendak ditentukan bagi maksud melaksanakan fungsi Majlis di bawah seksyen 5 Akta ini;

(d) apa-apa perkara yang hendak ditentukan bagi maksud menjalankan kuasa Majlis di bawah subseksyen 6(3) Akta ini; dan

(e) apa-apa perkara lain untuk ditentukan pada mesyuarat agung tahunan itu.

(9) Perkara yang menghendaki suatu keputusan dalam mesyuarat agung tahunan hendaklah ditentukan melalui suatu ketetapan undi majoriti biasa ahli yang hadir dan mengundi dalam mesyuarat agung tahunan itu.

(10) Jika bilangan undi sama banyak, pengerusi mesyuarat hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

### **Mesyuarat agung luar biasa**

3. (1) Suatu mesyuarat agung luar biasa Majlis boleh diadakan pada bila-bila masa oleh Majlis dan hendaklah diadakan atas permintaan tidak kurang daripada satu perlima daripada jumlah keahlian Majlis.

(2) Tatacara berhubung dengan mesyuarat agung luar biasa Majlis adalah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

---

## **HURAIAN**

Rang Undang-undang Majlis Media Malaysia (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Media Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.

## **BAHAGIAN I**

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* mengandungi takrif bagi perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

## **BAHAGIAN II**

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan mengenai penubuhan Majlis Media Malaysia (“Majlis”).

6. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu pertubuhan perbadanan yang bebas dengan nama “Majlis Media Malaysia”.

7. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai meterai perbadanan Majlis.

8. *Fasal 5* dan *6* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasa Majlis.

9. *Fasal 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara berhubung dengan keahlian Majlis dan untuk memperuntukkan bagi kuasa Lembaga Majlis ("Lembaga") untuk mengenakan fi keahlian dan fi tahunan pada kadar sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

### BAHAGIAN III

10. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan dan keanggotaan Lembaga Majlis yang akan menjalankan fungsi Majlis dan menguruskan hal ehwal Majlis.

11. *Fasal 8* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan dan keanggotaan Lembaga. *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan dua anggota yang dinamakan oleh Menteri untuk mewakili Kerajaan. Anggota yang dilantik mewakili Kerajaan itu hendaklah dalam kalangan orang yang terlibat dalam industri media.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa bagi penamaan dan pemilihan anggota Lembaga di bawah perenggan 1(c), syarikat media yang disifatkan mempunyai pemilikan bersama dengan syarikat media yang lain tidak boleh diwakili lebih daripada seorang wakil. Dalam hal ini, syarikat media disifatkan mempunyai pemilikan bersama dengan syarikat media yang lain apabila dua atau lebih syarikat media masing-masing mempunyai pemegang saham majoriti yang sama atau syarikat media itu mempunyai kawalan atas syarikat media yang lain atau syarikat media itu merupakan syarikat subsidiari kepada syarikat pemegangan atau kumpulan syarikat.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Menteri hendaklah melantik anggota Lembaga yang akan bertindak sebagai Lembaga pengasas, melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Jadual Pertama kepada Lembaga.

12. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan yang berhubungan dengan Pengerusi Majlis yang hendaklah bukan seorang anggota mana-mana badan perundangan, atau mana-mana orang yang terlibat secara aktif dalam politik atau berdaftar dengan mana-mana parti politik, atau mana-mana anggota perkhidmatan awam. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan seorang Timbalan Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh ahli Lembaga dalam kalangan mereka untuk melaksanakan fungsi Pengerusi jika Pengerusi tidak dapat melaksanakan fungsinya atas apa-apa sebab atau dalam apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi.

13. *Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tempoh jawatan anggota Lembaga.

14. *Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan dan elaun kepada anggota Lembaga pada kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dalam mesyuarat agung.

15. *Fasal 12* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai Setiausaha Majlis yang hendaklah disifatkan menjadi pekerja Majlis. Majlis hendaklah meletak hak pada Setiausaha mana-mana kuasa dan mengenakan kepadanya apa-apa tugas sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

16. *Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai pekerja Majlis bagi membantu Setiausaha dalam menunaikan fungsinya secara berkesan dan cekap bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan ini.

17. *Fasal 14* bertujuan untuk membenarkan Lembaga untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Lembaga untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya dan dalam penjalanan kuasanya. *Fasal* ini selanjutnya memperuntukkan bahawa jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri dan layak untuk menerima elaun dan belanja lain yang hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Majlis, sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

#### BAHAGIAN IV

18. Bahagian IV Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan mekanisme ketidakpuasan hati dan prosiding tatatertib.

19. *Fasal 15* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai mekanisme kawal selia yang berhubungan dengan aduan ketidakpuasan hati yang hendaklah dibuat dan diterima pakai oleh Majlis dari semasa ke semasa sebagaimana yang ditentukan dalam mesyuarat agung.

20. *Fasal 16* bertujuan untuk memperuntukkan mengenai kuasa tatatertib Majlis terhadap ahlinya. Majlis hendaklah mewujudkan kesalahan tatatertib, mengadakan apa-apa hukuman tatatertib dan menetapkan tatacara prosiding tatatertib, sebagaimana yang ditentukan dalam mesyuarat agung.

#### BAHAGIAN V

21. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kewangan.

22. *Fasal 17* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan sebuah kumpulan wang yang akan dikenali sebagai “Kumpulan Wang Majlis Media Malaysia” yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Majlis.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam apa-apa tempoh Majlis menerima apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta yang dicadangkan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Majlis.

*Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Majlis hanya boleh menerima dana asing tanpa syarat daripada mana-mana individu atau pertubuhan luar negara, hanya bagi maksud untuk menggalakkan kesedaran dan memberikan pendidikan berhubung dengan industri media. Penerimaan dana asing itu hendaklah tertakluk pada kelulusan Menteri.

23. *Fasal 18* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Majlis yang mana Kumpulan Wang Majlis boleh dibelanjakan bagi maksud yang dinyatakan dalam subseksyen (1). *Fasal* ini juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa sumbangan kepada badan atau pertubuhan di luar Malaysia, berkaitan dengan aktiviti kewartawanan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga adalah tertakluk pada kelulusan Menteri.

#### BAHAGIAN VI

24. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.

25. *Fasal 19* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berhubungan dengan mesyuarat agung yang hendaklah dibaca bersama Jadual Kedua.

26. *Fasal 20* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai penyimpanan rekod minit mesyuarat, kertas pertimbangan, dan akaun dan rekod akaun Kumpulan Wang Majlis.

27. *Fasal 21* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis yang hendaklah dipatuhi oleh semua ahli Majlis. Mana-mana ahli yang gagal mematuhi mana-mana garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis adalah tertakluk kepada prosiding tatatertib Majlis. *Fasal* ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa garis panduan, arahan, pekeliling, standard dan notis tersebut hendaklah ditentukan dalam mesyuarat agung.

28. *Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai suatu tatalaku yang hendaklah dipatuhi oleh ahli Majlis. Tatalaku itu hendaklah ditentukan dalam mesyuarat agung.

29. *Fasal 23* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan terhadap Lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga daripada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding undang-undang berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuiaan atau keingkaran yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dalam menjalankan kewajibannya di bawah Akta yang dicadangkan.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)3389]